

Headline	Lebih baik kurangkan kos		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	7
ArticleSize	279 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 16,695		



## Berbanding menaikkan harga barang dalam rasionalisasi subsidi - Dr. M 'Lebih baik kurangkan kos'

**KUALA LUMPUR** 26 Dis. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan kerajaan agar menggunakan pendekatan mengurangkan kos berbanding menaikkan harga barang dalam usaha merasionalisasi subsidi.

Katanya, meskipun menyedari bahawa kerajaan memerlukan sumber kewangan yang besar untuk menguruskan negara, beberapa langkah penjimatan bagi mengurangkan kos boleh dilaksanakan untuk tujuan yang sama.

"Ada masanya harga boleh dinaikkan. Ini mungkin mengakibatkan kemerosotan jualan dan keuntungan tetapi adalah lebih baik mengurangkan kos atau sama ada mengekalkan atau meminimumkan kenaikan harga.

"Perkara sama boleh dilakukan kerajaan. Semua kos boleh diteliti untuk menentukan mana yang benar-benar penting, kos mana yang boleh dikurangkan atau perkhidmatan mana boleh diolah," katanya menerusi blog, *chedet.cc*, hari ini.

Isu kenaikan harga barang dan tarif elektrik termasuk kemungkinan pengenalan kadar tol baharu pada awal tahun depan mencetuskan kegelisahan dalam kalangan rakyat sehingga banyak pihak meminta kerajaan mengkaji semula langkah itu.

Dalam perkembangan sama, Dr. Mahathir berkata, kerajaan wajar menilai secara serius isu ketirisan yang didekahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara kerana beliau percaya banyak penjimatan boleh dilakukan pada masa depan.

Sebagai contoh jelasnya, penjimatan boleh dilakukan sehingga 50 peratus jika lampu-lampu jalan di negara ini dapat digantikan dengan mentol dari jenis diod pemancar cahaya (LED) dan hasil itu kemudian boleh disalurkan bagi tujuan pembangunan lain.

"Kerajaan biasanya melakukan pembaziran kerana tidak memikirkan pulangan dalam apa juga bentuk perbelanjaan. Jika kerajaan berhasrat mengurangkan

kos urus tadbir, mereka boleh melakukannya," ujar beliau lagi.

Mengenai kenaikan tarif elektrik, Dr. Mahathir menyifatkan kadar 15 peratus yang ditetapkan merupakan lonjakan agak besar terutama kepada pengguna elektrik domestik selain bakal memberi kesan kepada kos pengeluaran industri.

Jelasnya, adalah lebih baik jika kadar baharu tarif elektrik itu dinaikkan secara berperingkat sebanyak enam peratus setahun untuk tempoh tiga tahun atau lebih lama kerana bakal memberi situasi menang-menang.

"Kenaikan tarif elektrik pada kadar 15 peratus satu perubahan besar. Kerugian pemain industri akibat kenaikan tarif elektrik itu akan menyebabkan mereka membayar cukai korporat lebih rendah disebabkan tidak mendapat keuntungan besar.

"Jika formula enam peratus setahun digunakan, peningkatan sebenarnya boleh meningkat kepada 18 peratus berbanding 15 peratus yang diperkenalkan kerajaan sekarang tanpa perlu menanggung apa-apa kerugian," katanya.

**Ada masanya harga boleh dinaikkan. Ini mungkin mengakibatkan kemerosotan jualan dan keuntungan tetapi adalah lebih baik mengurangkan kos atau sama ada mengekalkan atau meminimumkan kenaikan harga**

**TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD**  
Bekas Perdana Menteri



DR. MAHATHIR MOHAMAD